



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **11 Nov 2020 (Rabu)**

#### **Berita Harian**

Azmin Pengarah Pilihan Raya PN	1
Bekalan air terputus lagi	2
EXCO tak tolak ada unsur sabotaj	3
LRA Sungai Rasau untuk penduduk wilayah Klang siap 2024	4

#### **Utusan Malaysia**

Pastikan pelaku pencemaran sungai dihukum	5
Pencemaran: Polis Selangor buka kertas siasatan	6
Sungai Selangor tercemar lagi	7

#### **Harian Metro**

Exco lapor polis, syak ada sabotaj	8
Gangguan air tujuh wilayah	9

#### **Kosmo**

6 juta penduduk kembali menderita	10
Pencemaran akibat pembuangan cecair pelarut ke loji	11

#### **Sinar Harian**

Kerajaan negeri Selangor syk unsur sabotaj	12
Tujuh kali henti tugas kerana pencemaran	13
Ujian kualiti air mentah dilakukan setiap 30 minit	14
Azmin dilantik jadi Pengarah Pilihan Raya PN	15
Rakyat sengsara gangguan air kali ketujuh	16
Pacu sektor pelancongan	17
Pembinaan LRA Sungai Rasau dijangka siap pada 2024	18
Noh cabar Selangor beri air percuma	19

#### **Bernamea Radio 24**

LRA Sungai Rasau dijangka siap 2024	20
-------------------------------------	----

#### **Nasional FM (87.7)**

Pembinaan LRA Sungai Rasau Fasa 1 Dijangka Siap Pada 2024	21
---	----

#### **NTV7**

Siasatan Awal Pencemaran Dipercayai Berpunca Dari Loji Kumbahan	22
---	----

#### **RTM1**

LRA Sungai Rasau Siap 2024 - Salur Air Kepada Penduduk Daerah Klang	23
Sungai Selangor Tercemar - 1.14 Juta Akaun Pengguna Di Tujuh Wilayah Terjejas Bekalan Air / Ada Unsur Sabotaj Buang Sisa Tercemar	24

#### **Selangor TV**

1,000 Ekar Tanah Dikenal Pasti Untuk Projek Pertanian	25
3,585 Pesakit Tibi Berdaftar, Petaling Tertinggi	26
3,585 Pesakit Tibi Selangor	27
Denda Maksimum RM1 Juta, LUAS Boleh Kenakan Caj Guna Air Berlebihan	28
Enakmen LUAS Sah Selepas Tandatanganan Sultan	29
Fasa Pertama LRA Sungai Rasau Dijangka Siap 2024	30



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Isu Air: Penjenayah Kali Ini Seolah-Olah Tahu	31
Kadar Pencemaran Turun Satu TON Malam Ini	32
Kerajaan Negeri Sedia Kaji Hutan Komuniti Kota Damansara	33
Kerajaan Negeri Tidak Iktiraf Lot Lidi	34
Pencemaran Sungai Selangor Tindakan Sabotaj, Dalang Dicari!	35
Pengurusan Kutipan Sampah KDEBWM Memuaskan	36
Sungai Selangor Tercemar: Unsur Sabotaj, Pelarut Dalam Loji Kumbahan	37
Terima Air Mulai Rabu, Berperingkat	38
30 mangsa keganasan rumah tangga Selangor adalah lelaki	39
RM400 juta keseluruhan program bendung Covid-19	40
<b>Suria FM</b>	
Kerajaan Selangor Tidak Tolak Kemungkinan Kes PEncemaran Air Angkara Sabotaj	41
<b>TV3</b>	
Dipercayai Berpunca Daripada Loji Kumbahan	42
<b>TV9</b>	
Pencemaran Dipercayai Berpunca Dari Loji Kumbahan	43
<b>The Star</b>	
Anger and frustration flow over latest water cut in Klang Valley	44
Feasibility study to be ready soon	45
Over RM550,000 allocated to fund needs of special children	46
Subsidised vouchers to boost local tourism	47
Waste management services 'satisfactory'	48
In the dark over nature of project	49
MBPJ DRAFT PLAN	50
MBSA MATTERS	51
MoU to ease movement of essential goods in Asean	52
WASTE COLLECTION	53
Smart selangor bus service improved in selayang	54
Cuts enrage Klang Valley residents	55
'Effluent dumped into IWK manhole'	56
Patience runs out as taps go dry	57
Police open investigation into latest pollution case	58
Water cuts in Klang Valley 2020	59
<b>New Straits Times</b>	
WATER DISRUPTION IN KLANG VALLEY AGAIN	60
WATER SUPPLY TO RESUME IN STAGES	61
Ministers form plan to serve as guide to sustainable economic recovery	62
<b>The Sun</b>	
Unprecedented challenge at virtual Apec meeting	63
<b>NTV7</b>	
Pollution Behind Latest Water Cut Traced To Indah Water Plant In Rawang	64
<b>The Malaysian Reserve</b>	
Sungai Rasau LRA Phase 1 to complete im 2024	65
Over 6m in Selangor face another water disruption	66



### **TheStarTV**

S'gor Exco: Irresponsible People Dumped Effluent Into IWK Manhole 67

### **Traxx FM (90.3)**

The Selangor Water Pollution Possible An Act Of Sabotage 68

### **China Press**

There are no EMCO or screening in the worst-hit areas, sooner or later Klang will fall 69

50% satisfaction with KDEBWM for recycling large garbage and cleaning ditches 70

Allocation for Chinese primary schools, Tamil primary schools and religious schools will be changed to once a year from twice a year 71

AnIS project, identification letter is required for application 72

Izham: Some reports in the flood-hit areas were not submitted to the JPS 73

MB: As soon as the bill was passed, intentional pollution is clearly challenging the state government 74

Odor pollution occurs again in Selangor river and more than a million users are again without water 75

Lifting of EMCO in Kuala Langat 3 areas 76

Najib again another sarcastic post, "Water disruption become a monthly routine" 77

Selangor River is again polluted, no water in Selangor and KL 1279 areas 78

### **Sin Chew Daily**

Hee Loy Sian: As of October, the state government allocated RM2.9 million to revive Selangor's tourism industry 79

Izham: 2 water filtration stations in Langat are not the property of the Selangor govt. They have been leased from the federal govt for 45 years. 80

Izham: Sungai Rasau water filtration station project is expected to complete the research work within a month. 81

KDEB collects household utensils, garbage and mowing, and its service satisfaction exceeds 70%. 82

Ng Sze Han: State government has implemented a number of waste sorting plans to reduce the amount of waste. 83

Selangor MB: When the confiscation of abused private land encounters obstacles, the landlord has the right to claim compensation. 84

Siti Mariah: As of October 3, there have been 3585 cases of tuberculosis in Selangor. 85

### **Nanyang Siang Pau**

Explore construction of water treatment plant at Sungai Rasa to solve state's water provision problem 86

### **Guang Ming Daily**

Indah Water denies has polluted the Selangor water source, someone pour red waste into drainage system illegally 87

LUAS have try to dilution the polluted water source; Hee Loy Sian: Water supply expected resume by today 88

Selangor river pollution and cause water cuts again, million people worry about water again 89

### **Makkal Osai**

Water disruption in klang again: 1.1million people affected 90

Water pollution level at water treatment plants drop to 3-4 ton 91

### **Malaysia Nanban**

Deepavali without water? 92



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Again water cut off at Klang Valley

93

### **Tamil Malar**

1.1million people in Kuala Lumpur, Selangor affected due to water disruption

94

3,500 TB patient in Selangor receive medical aid fund of RM800

95

### **RTM2**

LRA Sungai Rasau Siap 2024 - Salur Air Kepada Penduduk Daerah Klang

96



**KERATAN AKHBAR**  
**11 November 2020**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Azmin Pengarah Pilihan Raya PN
Muka Surat	:	17

# Azmin Pengarah Pilihan Raya PN

**Pelantikan mantapkan gerak kerja parti pada semua peringkat**

Oleh Oleh Mahani Ishak  
 mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Majlis Tertinggi Perikatan Nasional (PN) bersetuju sebulat suara melantik Ketua Pengerangnya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebagai Pengarah Pilihan Raya bagi mengetuai persediaan jentera pilihan raya.

Setiausaha Agung PN, Datuk Seri Hamzah Zainudin, berkata perkara itu diputuskan pada mesyuarat semalam dalam usaha mengukuhkan kedudukan PN sebagai parti politik yang menerajui kerajaan.

Beliau berkata, sayap Pemuda PN yang dipimpin Khairil Nizam Khirudin yang juga Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, turut diminta merencanakan lagi aktiviti pada pe-

ringkat akar umbi agar dapat merapatkan silaturahim ahli parti.

“Majlis Tertinggi PN percaya keputusan ini bakal memantapkan lagi gerak kerja PN pada semua peringkat dan menambah baik koordinasi dalam kalangan parti komponen PN,” katanya dalam kenyataan semalam.

Majlis Tertinggi PN bersetuju sebulat suara untuk menubuhkan Badan Perhubungan Negeri PN bagi menyelaras aktiviti parti pada peringkat negeri serta memperkasa gerak kerja peringkat akar umbi secara menyeluruh.

“Dalam hal ini, Pengerusi PN akan melantik Pengerusi Badan Perhubungan Negeri yang akan memanggil dan mempengerusikan semua mesyuarat Badan Perhubungan Negeri,” katanya.

Sementara itu, Mohamed Azmin yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata beliau akan sedaya upaya memastikan prestasi PN terus diperkukuhkan dan mendapat dukungan rakyat sepenuhnya.

Katanya, walaupun fokus kerajaan adalah memulihkan ekonomi



**Mohamed Azmin Ali**

dan COVID-19 dan bukannya pada Pilihan Raya Umum (PRU), sebagai parti politik, PN perlu bersedia untuk ke arah itu.

“Justeru semua bersetuju untuk menggerakkan semua jentera dalam kalangan PN untuk bersiap sedia menghadapi PRU apabila tiba waktunya.

“Bagi mencapai ke arah itu, ketua parti sebulat suara meletakkan tanggungjawab ini kepada saya dan saya amat menghargai keyakinan serta kepercayaan mereka untuk mengemudi jentera pilihan raya PN,” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 11 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Bekalan air terputus lagi
Muka Surat	:	24

# Bekalan air terputus lagi

## Pencemaran bau di Sungai Selangor jejas 5 juta penduduk Lembah Klang

Oleh Safeek Affendy Razali,  
 Ruwaida Md Zain  
 dan Norzamira Che Noh  
 bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Dianggarkan lebih lima juta pengguna daripada sebanyak 1.139,008 akaun merangkumi 1,279 kawasan sekitar Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat, terjejas berikutan gangguan bekalan air mulai jam 6 petang semalam.

Gangguan bekalan tidak berjadual membatitkan tujuh wilayah itu berlaku disebabkan pencemaran bau seperti palarut di Sungai Selangor antara jam 12.20

tengah hari hingga 12.45 tengah hari semalam.

Sejak awal tahun ini, tujuh kali pengguna di Lembah Klang mengalami gangguan bekalan disebabkan pencemaran sungai.

Pada 19 Oktober lalu, jutaan pengguna sekitar Lembah Klang mengalami gangguan beberapa hari akibat masalah pencemaran di sungai sama.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri, berkata susulan pencemaran itu Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas.

Setakat jam 2:30 petang semalam, pencemaran di muka sauk LRA Rantau Panjang pada tahap 8 TON dan LRA SSP1, 2 dan 3 pula pada tahap 4 TON.

Henti tugas keempat-empat loji ini berkenaan menyebabkan gangguan tidak berjadual apabila bekalan air ditutup jam 6 petang semalam.

“Usaha untuk mencairkan bahan palarut dan *flushing* bahan pencemaran dalam Sungai Se-



**Elina Baseri**

langor sudah dilakukan dengan melepaskan air dari Empangan Sungai Selangor sebanyak 300 juta liter sehari dan Empangan Sungai Tinggi 500 juta liter sehari,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) juga sudah melepaskan air mentah melalui operasi pengepaman kolam KL Larut dengan kapasiti 192 juta liter sehari untuk tujuan yang sama.

Beliau berkata, Air Selangor amat memahami situasi pengguna yang memerlukan air bersih terutama ketika peningkatan kes

COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), justeru akan mengambil segala usaha bagi meminimumkan impak gangguan kepada pengguna terjejas.

Sementara itu, pada sidang media di Rawang, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian, berkata pengguna yang terjejas dijangka memperoleh semula bekalan secara berperingkat mulai hari ini.

Katanya, masalah pencemaran dijangka dapat diselesaikan tengah malam tadi sekali gus membolehkan penyambungan semula bekalan mulai pagi ini.

“Setakat jam 6 petang semalam nilai kadar ambang di LRA Rantau Panjang mencatatkan penurunan kepada 4 TON berbanding 8 TON pada jam 2.30 petang semalam.

“Bagaimanapun, bacaan di LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 pula direkodkan masih mencatatkan nilai ambang 4 TON, sama seperti jam 2.30 petang,” katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**11 November 2020**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	EXCO tak tolak ada unsur sabotaj
Muka Surat	:	24

# EXCO tak tolak ada unsur sabotaj

**Shah Alam:** Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menyifatkan insiden pencemaran bau di Sungai Selangor; semalam mungkin berpunca daripada rasa kurang senang pihak tertentu terhadap tindakan tegas kerajaan negeri dalam menangani isu berkenaan.

Amirudin berkata, kerajaan negeri serius menangani isu itu untuk memastikan kejadian pencemaran sumber air di negeri itu tidak terus berulang.

"Saya menganggap ini satu cabaran kepada kerajaan negeri atas usaha kita menyelesaikan isu air apatah lagi insiden berkenaan (pembuangan bahan seakan pelarut ke lurang kumbahan Indah Water Konsortium) sudah lama tidak berlaku.

"Insiden sama berlaku pada tahun lalu. Saya dimaklumkan pencemaran kini pada tahap dua TON dan harapannya agar malam ini (tadi) LRA akan dapat beroperasi seterusnya gangguan bekalan air tidak berlaku dalam tempoh yang panjang," katanya ditemui di Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor; semalam.

Amiruddin berkata, pelaku disyaki sudah mengenal pasti trend pemantauan dilakukan pihaknya kerana pembuangan bahan seakan pelarut itu dipercayai dilakukan di luar waktu kawalan penguat kuasa.

Beliau berkata, Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) (Pindaan) 2020 diluluskan kelmarin juga masih belum boleh digunakan.



**Kerja pembersihan** dilakukan di loji air IWK Taman Velox, Rawang akibat pencemaran bau di Sungai Selangor, semalam. (Foto BERNAMA)

Katanya, penasihat undang-undang perlu menghantar notis kepada Sultan Selangor; Sultan Sharafuddin Idris Shah dan RUU berkenaan boleh disahkan selepas baginda menandatangani atau sebulan daripada tempoh kelulusan DUN.

"Justeru, kita belum boleh menggunakan undang-undang itu. Bagaimanapun, sudah saya sebutkan, kita ada beberapa lagi undang-undang iaitu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Seksyen 121 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

"Berkenaan rancangan kerajaan negeri (penggunaan teknologi), ia akan mengambil masa 15 hingga 18 bulan seperti diumumkan

dalam belanjawan," katanya.

Kelmarin, Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor meluluskan pindaan terhadap Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 yang meningkatkan hukuman terhadap pihak yang mencemarkan sungai di negeri itu.

Susulan pindaan terbaru itu, mana-mana pihak yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman penjara mandatori, selain denda dinaikkan daripada maksimum RM100,000 kepada di antara RM200,000 hingga RM1 juta.

Sementara itu, pada sidang media di Rawang, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy

Sian, berkata pihaknya tidak menolak kemungkinan ada unsur sabotaj sehingga menyebabkan pencemaran di kawasan terbabit.

Punca pencemaran dipercayai akibat pembuangan sisa industri k3 dalam lurang pembetungan di kawasan industri berhampiran loji kumbahan Indah Water Konsortium (IWK).

"Punca pencemaran bau ini dikenal pasti daripada pembuangan sisa industri berhampiran lurang pembetungan di IWK Rawang.

"Kami percaya pelepasan sisa industri itu dilakukan tanpa kebenaran di lurang pembetungan IWK berkenaan yang terletak sejauh 12 kilometer dari LRA Rantau Panjang," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 11 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	LRA Sungai Rasau untuk penduduk wilayah Klang siap 2024
Muka Surat	:	24

### LRA Sungai Rasau untuk penduduk wilayah Klang siap 2024

**Shah Alam:** Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Rasau yang akan membekalkan air kepada penduduk di wilayah Klang dijangka siap pada 2024.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Izhah Hashim, berkata projek pembangunan itu kini pada peringkat kajian kebolehlaksanaan oleh jurutera perunding yang dilantik Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

Katanya, kajian kebolehlaksanaan dijangka siap bulan ini dan pembangunan akan dilaksanakan selepas itu.

"LRA Sungai Rasau adalah projek penting dalam perancangan 30 tahun pembangunan bekalan air di Selangor dan akan dilaksanakan dengan kadar segera.

"Kita juga awalkan sedikit projek ini yang kita tetapkan siap pada 2024 dengan kapasiti 700 juta liter sehari (JLH) dan akan diagihkan kepada pengguna di wilayah Klang," katanya pada persidangan Dewan Undangan

Negeri (DUN) Selangor, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan Michelle Ng Mei Sze (PH Subang Jaya) mengenai tahap pembinaan LRA Sungai Rasau.

Izhah berkata, cadangan pembangunan LRA Sungai Rasau fasa 2 pula dijangka siap pada 2026 dengan kapasiti yang sama (700 JLH) dan akan membekalkan air kepada pengguna di wilayah Petaling.

Izhah memaklumkan pembinaan LRA Langat 2 sudah siap sepenuhnya pada 30 September lalu.

"Untuk makluman, Stream B dengan kapasiti 565 JLH sudah mula beroperasi pada 21 Disember 2019. Bagaimanapun hingga kini hanya 430 JLH dapat diagihkan kepada pengguna manakala Stream A (belum beroperasi) pula dijadual diserahkan kepada Air Selangor pada 30 Oktober lalu," katanya menjawab pertanyaan Azmizam Zaman Huri (PH-Petaling Klang).

 **LRA Sungai Rasau adalah projek penting dalam perancangan 30 tahun pembangunan bekalan air di Selangor dan akan dilaksanakan dengan kadar segera.**

**Izhah Hashim,**  
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>11 November 2020</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pastikan pelaku pencemaran sungai dihukum
Muka Surat	:	2

## Minda Pengarang

NIZAM ABDUL HAMID



# *Pastikan pelaku pencemaran sungai dihukum*

SABTU ini, penganut agama Hindu akan meraikan Deepavali. Suasannya kali ini pasti berbeza kerana disambut dalam kebimbangan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di hampir semua negeri.

Ini kerana perhimpunan beramai-ramai tidak dibenarkan, pelitup muka perlu sentiasa di pakai dan jarak sosial mesti dijaga. Malah bukan sahaja merentas negeri tidak dibenarkan, merentas daerah juga tidak boleh.

Bermakna ramai yang tidak akan dapat bersama ahli keluarga lain bagi meraikan perayaan itu.

Covid-19 satu hal, bekalan air bersih pun satu perkara lagi yang akan menjejaskan kemeriahan perayaan tersebut. Ketika ini pun sudah berlaku gangguan air di Seremban dan Sabak Bernam.

Malah semalam Air Selangor mengeluarkan kenyataan tentang pencemaran bau di Sungai Selangor sehingga memaksa Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang dihenti tugas. Jika tidak dapat diatasi, lebih lima juta orang akan terputus bekalan air.

Sebelum ini sudah berlaku beberapa kali masalah yang sama sehingga menjejaskan kehidupan jutaan pengguna di Lembah Klang terutama di kawasan yang terputus bekalan air selama beberapa hari.

Dalam kes pencemaran sebelum ini, puncanya berjaya dikesan. Malah mereka yang terbabit telah diheret ke mahkamah untuk didakwa. Walaupun pelakunya mengaku tidak bersalah, sekurang-kurangnya undang-undang telah mengambil tempatnya.

Kerajaan negeri pun tahu wujud kilang-kilang haram dan berisiko tinggi mendatangkan pencemaran berdekatan kawasan Sungai Selangor tetapi belum ada iltizam untuk mengalihkan kilang-kilang berkenaan. Mungkin ia dilihat sebagai perkara yang boleh ditangguhkan, hakikatnya rakyat sudah bosan.

Sekarang pun sudah ada yang menjaja "Lebih baik tiada MB daripada tiada air".

Kelmarin, Dewan Undangan Negeri Selangor meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) (Pindaan) 2020 yang antaranya menetapkan denda minimum RM200,000 dan maksimum RM1 juta terhadap pihak yang bersalah mencemar sumber air di negeri itu.

Namun apa maknanya denda tinggi dikenakan jika pelaku pencemaran sungai gagal disabitkan bersalah dan mereka mengulangi perkara yang sama.

**Nizam Abdul Hamid ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia**

**“  
 Dalam kes pencemaran sebelum ini, puncanya berjaya dikesan. Malah mereka yang terbabit telah diheret ke mahkamah untuk didakwa.**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>11 November 2020</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pencemaran: Polis Selangor buka kertas siasatan
Muka Surat	:	4

## Pencemaran: Polis Selangor buka kertas siasatan

**SHAH ALAM:** Polis Selangor menerima satu laporan berhubung pencemaran di Sungai Selangor yang mengakibatkan lebih 1.1 juta akaun pengguna terjejas.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat berkata, laporan polis itu diterima daripada seorang pegawai penguat kuasa Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) kira-kira pukul 3 petang semalam.

Menurutnya, laporan polis yang diterima berkaitan pence-

maran yang dikesan di Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang.

“Siasatan awal LUAS mendapati air di loji disyaki mengandungi bahan pelarut hingga ke tahap lapan ton.

“Ekoran itu, bekalan air terpaksa ditutup hingga kerja pembersihan selesai. Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak telah membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 430 Kanun Keseksaan,” katanya dalam satu

kenyataan di sini malam tadi.

Terdahulu, berlaku henti tugas di empat LRA di Selangor iaitu Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Rantau Panjang yang menyebabkan lebih 1.1 juta akaun merangkumi 1,279 kawasan terjejas.

Bekalan air mula ditutup bermula 6 petang semalam dan wilayah terlibat ialah di Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langkat.

Gangguan bekalan air meli-

batkan Sungai Selangor adalah yang ketiga selepas dua kali berlaku pada September dan Oktober lalu melibatkan keempat-empat LRA.

Pada September lalu, berlaku pencemaran iaitu pelepasan pelarut yang mengakibatkan gangguan bekalan air berlaku selama tujuh hari dan pada Oktober pula gangguan berlaku selama empat hari yang kesemuanya melibatkan gangguan terhadap 1,292 kawasan dengan lebih 1.1 juta akaun pengguna.



**Siasatan awal LUAS mendapati air di loji disyaki mengandungi bahan pelarut hingga ke tahap lapan ton.”**

**FADZIL AHMAT**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 11 November 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sungai Selangor tercemar lagi
Muka Surat	:	4



# Sungai Selangor tercemar lagi

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**  
 dan **NOR AZIHAN MD. GHAZALI**  
 rohaizah.zainal@mediamula.com.my

**SHAH ALAM:** Hampir enam juta penduduk di Lembah Klang sekali lagi mengalami gangguan bekalan air untuk satu tempoh yang belum diketahui selepas empat Loji Rawatan Air (LRA) terbesar di Sungai Selangor terpaksa dihentikan tugas ekoran pencemaran sumber air mentah. Ekoran henti tugas di empat LRA iaitu di LRA Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Rantau Panjang, lebih 1.1 juta akaun merangkumi 1,279 kawasan terjejas. Bekalan air mula ditutup bermula 6 petang semalam melibatkan Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

Ini merupakan kejadian ketiga berturut-turut berlaku dalam tempoh tiga bulan bermula September lalu yang mengakibatkan henti tugas di LRA sama.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., Elina Baseri berkata, lanjutan pengumuman Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berhubung pencemaran bau seakan pelarut di Sungai Selangor, henti tugas di empat buah LRA tersebut terpaksa dilakukan berikutan pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor pukul 12.45 tengah hari.

Katanya, sehingga pukul 2:30 petang semalam, pencemaran di Muka Sauk LRA Rantau Panjang pada tahap 8 ton dan LRA SSP1,2 dan 3 pula pada tahap 4 ton.

"Henti tugas keempat-empat loji ini dijangka menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual melibatkan 1,139,008 akaun merangkumi 1,279 kawasan.



**HEE Loy Sian (tengah) meninjau loji kumbahan IWK Taman Velox, Rawang, semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI**

"Usaha untuk mencairkan bahan pelarut dan 'flushing' bahan pencemaran yang terdapat di dalam Sungai Selangor dilakukan dengan melepaskan air dari Empangan Sungai Selangor sebanyak 300 juta liter sehari dan empangan Sungai Tinggi sebanyak 500 juta liter sehari.

"LUAS juga melepaskan air mentah melalui operasi pengempaman kolam KL Larut dengan kapasiti 192 juta liter sehari untuk tujuan yang sama," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurut LUAS, berdasarkan pemantauan menerusi Ops Sum-

ber Air setakat pukul 6 pagi semalam mendapati rekod bacaan terakhir kosong ton.

"Bagaimanapun, Air Selangor mengesan pencemaran bau sekitar lapan ton di LRA Rantau Panjang tengah hari semalam. LUAS, Air Selangor dan pihak-pihak terlibat sedang menjalankan siasatan dan tindakan mitigasi segera," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian berkata, loji kumbahan milik Indah Water Konsortium (IWK) di Taman

Velox, Rawang dekat sini disyaki punca berlakunya pencemaran bau di Sungai Selangor sehingga mengakibatkan empat Loji Rawatan Air (LRA) ditutup.

Katanya, siasatan awal mendapati berlaku pembuangan cecair pelarut di lubang loji kumbahan IWK tersebut.

"Insiden pencemaran ini didapati berlaku antara pukul 7 hingga 9 pagi dan dalam tempoh sebelumnya didapati bacaan air di Sungai Gong dan Sungai Sembah adalah kosong ton.

"Kita mengesyaki wujud sabotaj di sebalik insiden pencemaran tersebut," katanya dalam per-

bahasan usul pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini semalam.

Katanya, satu laporan polis telah dibuat bagi mencari dalang insiden tersebut.

"Setakat ini empat LRA berkenaan masih ditutup dan tindakan susulan sedang dilakukan Lembaga Urus Air Selangor, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya.

Gangguan itu berlaku sehari selepas DUN Selangor meluluskan pindaan Rang Undang-undang (RUU) LUAS.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

11 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Exco lapor polis, syak ada sabotaj
Muka Surat	:	13

# *Exco lapor polis, syak ada sabotaj*

**Shah Alam:** Kerajaan Selangor tidak menolak kemungkinan bahawa insiden pencemaran bau di Sungai Selangor yang menyebabkan empat Loji Rawatan Air (LRA) henti tugas semalam berpunca daripada tindakan sabotaj.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian berkata, hasil pemeriksaan awal, pihaknya mendapati pencemaran itu berpunca dari loji kumbahan Indah Water Konsortium (IWK).

Katanya, lokasi pencemaran dikesan di Taman Velox, Rawang yang mana pihaknya mengesan terdapat bahan seakan-akan minyak di dalam lurang IWK di kawasan itu.

“Untuk makluman juga, pemeriksaan yang dilakukan sekitar jam 2 hingga 7 pagi tadi (semalam) oleh Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mendapati bacaan air di Sungai Gong dan Sungai Sembah masih berada di tahap kosong ton.

“Justeru, pencemaran ini mungkin berlaku antara jam 7 hingga 10 pagi dan kita mengesyaki ada sabotaj yang berlaku.

“Kerajaan negeri akan membuat laporan polis mengenai hal ini dan siapa yang di belakang (tindakan sabotaj),” katanya pada sesi penggulangan usul bajet peruntukan pembangunan di Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor di sini, semalam.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>11 November 2020</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Gangguan air tujuh wilayah
Muka Surat	:	13

Oleh Ruwaida Md Zain  
 am@hmetro.com.my

**Shah Alam**

**G**angguan bekalan air tidak berjadual di tujuh wilayah bermula jam 6 petang semalam berikutan pencemaran bau seakan pelarut di Sungai Selangor.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) Elina Baseri berkata, susulan pencemaran itu, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Rantau Panjang dihentikan tugas.

“Sehingga jam 2.30 petang ini (semalam), pencemaran di muka sauk LRA Rantau Panjang pada tahap 8 ton manakala LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 pula pada tahap 4 ton.

“Henti tugas keempat-empat loji ini dijangka menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual membabitkan 1,139,008 akaun merangkumi 1,279 kawasan di Wilayah Kuala

# Gangguan air tujuh wilayah

*Pencemaran bau seakan pelarut di Sungai Selangor menyebabkan operasi LRA dihentikan*



**Henti tugas keempat-empat loji ini dijangka menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual membabitkan 1,139,008 akaun”**

**Elina**

Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat yang mana bekalan air akan ditutup pada jam 6 petang ini (semalam).

“Usaha untuk mencairkan bahan pelarut dan *flushing* bahan pencemaran yang terdapat di dalam Sungai Selangor sudah dilakukan dengan melepaskan air dari empangan Sungai Selangor sebanyak 300 juta liter sehari dan empangan Sungai Tinggi sebanyak 500 juta liter sehari,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dalam pada itu, katanya, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) sudah melepaskan air mentah melalui operasi pengepaman kolam KL Larut dengan kapasiti 192 juta liter sehari untuk tujuan yang sama.

Beliau berkata, Air Selangor

or memahami situasi pengguna yang memerlukan air bersih terutama semasa peningkatan kes Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan mengambil segala usaha bagi meminimumkan impak gangguan kepada pengguna terjejas.

“Maklumat gangguan bekalan air tidak berjadual akan dimaklumkan dari semasa ke semasa menerusi semua medium komunikasi Air Selangor termasuk Twitter, Facebook, Instagram, aplikasi Air Selangor dan laman sesawang [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com),” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>11 November 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	6 juta penduduk kembali menderita
Muka Surat	:	2



## Rakyat Selangor, KL terus dibelenggu masalah gangguan air tiga bulan berturut-turut

# 6 juta penduduk kembali menderita

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB,  
 RASDAN AHMAD dan NOR  
 AZIHAN MD. GHAZALI

**SHAH ALAM** – Bagaikan tiada kesudahan apabila lebih enam juta penduduk Selangor dan Kuala Lumpur sekali lagi berdepan masalah gangguan bekalan air tidak berjadual selepas empat buah Loji Rawatan Air (LRA) iaitu Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), SSP2, SSP3 dan Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas.

Kesemua loji berkenaan terpaksa dihenti tugas bermula pukul 12.20 hingga 12.45 tengah hari semalam susulan pencemaran bau yang dikesan di Sungai Selangor.

Gangguan bekalan air kali ketiga dalam tempoh tiga bulan itu telah memberi kesan kepada lebih 1.1 juta akaun berdaftar dengan Air Selangor.


Lebih memeritkan, kejadian terbaharu itu berlaku ketika rakyat terpaksa berdepan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selain sambutan Deepavali yang bakal disambut Sabtu ini.

Kali pertama kesemua loji berkenaan ditutup ialah pada 3 September lalu sebelum sekali lagi ditutup pada 19 Oktober.

Untuk rekod, keempat-empat loji tersebut membekalkan lebih 60 peratus bekalan air terawat kepada penduduk di sekitar Lembah Klang.

Ketua Komunikasi Korporat, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd, Elina Baseri berkata, gangguan bekalan air itu akan melibatkan 1,279 kawasan merangkumi Kuala Lumpur, Petaling

**EMPAT LOJI RAWATAN AIR DIHENTI TUGAS**



Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

Katanya, bekalan air bagi kesemua kawasan tersebut ditutup bermula pukul 6 petang semalam.

"Henti tugas ini akan memberikan kesan kepada lebih 1.1 juta akaun berdaftar dengan Air Selangor.

"Pencemaran bau di muka sauk LRA Rantau Panjang dikesan pada tahap 8 ton, manakala LRA SSP1, SSP2 dan SSP3 adalah pada 4 ton setakat pukul 2.30 petang tadi," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Elina berkata, tindakan awal telah dilakukan oleh pihaknya bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dalam menyelesaikan permasalahan tersebut.

Ujarnya, ini termasuk mencairkan bahan pelarut dan 'flushing' bahan pencemaran yang

terdapat di dalam Sungai Selangor dengan melepaskan air dari Empangan Sungai Selangor sebanyak 300 juta liter sehari (JLH) dan Empangan Sungai Tinggi sebanyak 500 JLH.

"LUAS pula telah melepaskan air mentah melalui operasi pengepaman kolam KL Larut dengan kapasiti 192 JLH untuk tujuan yang sama.

"Air Selangor amat memahami situasi para pengguna yang me-

merlukan air bersih terutama semasa peningkatan kes Covid-19 dan pelaksanaan PKPB.

Sementara itu, LUAS menegaskan, berdasarkan pantauan menerusi Ops Sumber Air setakat pukul 6 pagi semalam mendapati rekod bacaan terakhir masih 0 ton.

"Bagaimanapun, Air Selangor mengesan pencemaran bau sekitar 8 ton di LRA Rantau Panjang tengah hari semalam," jelasnya.

GRAFIK: FATHIMAH ZAKARIA



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 11 November 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Pencemaran akibat pembuangan cecair pelarut ke loji
Muka Surat	:	2

### Pencemaran akibat pembuangan cecair pelarut ke loji

**PETALING JAYA** – Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mengenal pasti terdapat bahan tercemar yang dibuang di Loji Rawatan Kumbahan Indah Water Konsortium di Taman Velox, Rawang.

Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar Dan Air, Datuk Seri Ir. Zaini Ujang berkata, pihaknya sudah mengenal pasti punca pencemaran dan sedang berusaha menutup loji tersebut sepenuhnya serta membuang

cecair berwarna merah yang dihasilkan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Pihak kami juga berjaya memerangkap bahan tercemar berkenaan dan kerja-kerja membersihkan loji itu sedang giat dijalankan.

"Kita akan tutup loji ini sepenuhnya dan keluarkan air berwarna merah itu dari loji ini, air itu dikeringkan malam ini juga dan dihantar ke loji lain untuk dirawat," jelas Zaini pada sidang

media di sini semalam.

Dalam pada itu, jelas Zaini, pihaknya juga telah mengenal pasti beberapa kesalahan dan masalah lain yang telah dilakukan oleh pihak terbabit.

"Antara masalah dan kesalahan yang dikesan ialah pihak berkenaan telah memasukkan bahan-bahan yang tidak dibenarkan ke dalam sistem pembentukan awam secara manual.

"Hanya di kawasan loji ini yang didapati berlakunya pencema-

ran dan kami telah melakukan tinjauan udara bagi mengesan punca pencemaran seperti ini," katanya.

Jarak lokasi Loji IWK berkenaan dengan LRA Rantau Panjang adalah kira-kira 12 kilometer.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari mengesyaki ada pihak tidak bertanggungjawab telah melakukan pengintipan pergerakan pasukan pemantau pihak

berkuasa sebelum melakukan pencemaran.

Katanya, ini berikutan perbuatan mencemar sumber air itu kebanyakannya dilakukan di luar waktu kawalan pasukan tersebut.

"Saya syaki mereka telah kenal pasti waktu bertugas pasukan, perbuatan itu dilakukan di luar waktu kawalan. Lagipun petugas mempunyai jadual, bukan 24 jam mereka di situ," katanya di lobi Dewan Annex Bangunan Dewan Undangan Negeri.



## **KERATAN AKHBAR** **11 November 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kerajaan negeri Selangor syk unsur sabotaj
Muka Surat	:	8

## **Kerajaan negeri Selangor syk unsur sabotaj**

**SHAH ALAM** - Kerajaan negeri Selangor mengesyaki wujud unsur sabotaj melibatkan pencemaran bau sehingga memaksa henti tugas empat Loji Rawatan Air (LRA) di Selangor.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asal Selangor, Hee Loy Sian berkata, siasatan oleh pihak berkaitan di lokasi berkenaan mendapati pencemaran itu berpunca dari loji kumbahan Indah Water Konsortium Sdn Bhd di Taman Vellox, Rawang.

Beliau berkata, insiden pencemaran itu juga didapati berlaku antara jam 7 hingga 10 pagi memandangkan dalam tempoh sebelumnya, bacaan air di Sungai Gong dan Sungai Sembah merekodkan 0 TON.

"Pada jam 2 pagi hingga 6 pagi, bacaan air di Sungai Gong dan Sungai Sembah adalah 0 TON dan kejadian itu mungkin berlaku antara jam 7 hingga 10 pagi.

"Kita syak ada unsur sabotaj dalam insiden kerana tinjauan mendapati berlaku pembuangan cecair pelarut di dalam lubang kumbahan IWK," katanya ketika perbahasan usul peruntukan pembangunan Belanjawan Selangor 2021 sewaktu Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor semalam.

Terdahulu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) memaklumkan mengenai insiden pencemaran bau seakan pelarut di Sungai Selangor yang menyebabkan henti tugas di LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang.

Penutupan empat LRA berkenaan berlaku hanya dalam tempoh 24 jam selepas DUN Selangor meluluskan pindaan Rang Undang-undang (RUU) Lembaga Urus Air kelmarin.

Sementara itu, Menteri Besarnya, Datuk Seri Amirudin Shari mengakui ada pihak yang tidak senang dengan tindakan dilaksanakan kerajaan negeri dalam menangani isu air.

Amirudin berkata, pihaknya mengesyaki suspek sudah mengenalpasti trend pemantauan oleh pihak berkuasa.

"Pasti saya dan Exco dipersalahkan tapi mereka (pihak terlibat) tidak senang apabila kita membuat tindakan tegas dan memastikan permasalahan itu tidak berulang," katanya kepada pemberita di lobi Bangunan Annex semalam.



**AMIRUDIN**



**LOY SIAN**





<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>11 November 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tujuh kali henti tugas kerana pencemaran
Muka Surat	:	8

# Tujuh kali henti tugas kerana pencemaran

1.13 juta pengguna terpaksa melalui beberapa hari tanpa bekalan air bersih

## SHAH ALAM

Sebanyak 1.13 juta akaun pengguna di lapan kawasan menghadapi gangguan bekalan air tidak berjadual sejak semalam susulan penutupan empat Loji Rawatan Air (LRA) akibat insiden pencemaran bau.

Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Elina Baseri berkata, usaha mencairkan bahan pelarut dan *flushing* telah dilaksanakan di Sungai Selangor oleh pihak terlibat.

Menurutnya, air dari Empangan Sungai Selangor berkapasiti 300 juta liter sehari (JLH) dan Empangan Sungai Tinggi sebanyak 500 JLH telah dilepaskan bagi mengatasi permasalahan tersebut.

“Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) turut melepaskan air mentah melalui operasi pengepaman kolam KL Larut dengan kapasiti 192 JLH,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, LUAS memaklumkan mengenai insiden pencemaran bau seakan pelarut di Sungai Selangor yang menyebabkan henti tugas LRA Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang pada jam 12.45 tengah hari sekali gus menjejaskan aktiviti harian penduduk di Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

Insiden itu merupakan kali ketujuh berlaku pada tahun ini yang memaksa LRA Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas kerana pencemaran di Sungai Selangor.

Elina berkata, sehingga jam 2.30 petang, pencemaran di muka sauk LRA Rantau panjang adalah pada tahap 8 TON dan LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 pula pada tahap 4 TON.

“Air Selangor memahami situasi pengguna yang memer-



Efluen industri berwarna merah ditemui dalam paip pembedungan loji rawatan kumbahan Indah Water Konsortium Sdn Bhd.

## KRONOLOGI GANGGUAN AIR DI SELANGOR SEPANJANG 2020



### 11 Januari

- Gangguan bekalan kuasa di loji rawatan

#### Kawasan terjejas

- Klang dan Kuala Selangor

### 17 Februari

- Paip pecah di rumah pam Hulu Kelang

#### Kawasan terjejas

- 57 kawasan di Gombak

### 18 Mac

- Pencemaran bau di Sungai Selangor

#### Kawasan terjejas

- Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat

### 16 April

- Pencemaran Sungai Selangor

#### Kawasan terjejas

- Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat

### 14 Julai

- Kerja-kerja penyelenggaraan Loji Rawatan Air Sungai Selangor

#### Kawasan terjejas

- Petaling, Klang, Gombak, Kuala Lumpur dan Kuala Langat

### 3 September

- Pencemaran di Sungai Gong

#### Kawasan terjejas

- Lembah Klang

### 4 Oktober

- Pencemaran Sungai Semenyih

### Kawasan terjejas

- Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang

### 12 Oktober

- Paip pecah di Seksyen 24, Shah Alam

#### Kawasan terjejas

- Klang dan Shah Alam

### 16 Oktober

- Paip pecah di Seksyen 13, Shah Alam

#### Kawasan terjejas

- Klang, Shah Alam dan Kuala Langat

### 17 Oktober

- Kebocoran paip di Loji Rawatan Air Sungai Selangor

#### Kawasan terjejas

- Petaling, Gombak, Klang, Shah Alam, Kuala Lumpur dan Hulu Selangor

### 19 Oktober

- Pencemaran di Sungai Selangor

#### Kawasan terjejas

- Kuala Lumpur, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat

### 10 November 10, 2020

- Pencemaran di Sungai Selangor

#### Kawasan terjejas

- Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat

Sumber: Air Selangor

lukan air bersih terutama semasa peningkatan kes Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan mengambil segala usaha bagi meminimumkan

impak gangguan,” katanya. “Tambahnya, maklumat gangguan bekalan air tidak berjadual dimaklumkan dari masa ke masa menerusi semua medium komunikasi Air Selangor.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

11 November 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Ujian kualiti air mentah dilakukan setiap 30 minit
Muka Surat	:	8

# Ujian kualiti air mentah dilakukan setiap 30 minit

**SHAH ALAM** - Air Selangor komited memastikan pengguna mendapat bekalan air bersih dan selamat mengikut piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menerusi kenyataan memaklumkan ujian kualiti air mentah akan dijalankan setiap 30 minit.

